

Sumbang suara, kaedah baharu berwakaf

USAHA mempelbagaikan amalan berwakaf kini memasuki dimensi baru apabila Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (Wazan) Universiti Putra Malaysia (UPM) memperkenalkan wakaf suara (audio).

Inovasi yang dikenali sebagai Projek Buku Audio itu membolehkan orang ramai mewakafkan suara mereka menerusi rakaman apa sahaja bahan bacaan diperlukan oleh golongan cacat penglihatan.

Projek yang dimulakan pada tahun lepas itu mendapatkan kerjasama jitu dari Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat UPM, penerbit program *Dai TV3* dan Persatuan Orang Buta Islam Malaysia.

Dalam masa sama, Wazan UPM turut memperuntuk dana wakaf bagi membiayai

kos pembelian perisian *Job Access With Speech* yang akan ditempatkan di perpustakaan UPM bagi kegunaan pelajar cacat penglihatan.

“Matlamat utama projek ini adalah untuk membantu semua golongan orang kurang upaya (OKU) penglihatan, termasuk di institusi pendidikan dalam merangsang perkembangan mental, ilmu dan minat bagi membantu proses pembelajaran mereka.

“Ia juga bertujuan untuk memaklumkan kepada masyarakat Islam bahawa wakaf tidak hanya berkisar

tentang harta fizikal dan wang tunai,” kata Ketua Seksyen Pengurusan Dana Wakaf Ilmu Wazan UPM, **Nuruliman Ibrahim**.



NURULIMAN IBRAHIM

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas majlis perasmian Seminar Wakaf Institusi Pendidikan 2018 dan pelancaran buku Panduan Pengurusan Wakaf Institusi Pendidikan di UPM, Serdang, Selangor, baru-baru ini.

Majlis yang disempurnakan oleh Menteri di Jabatan

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof itu dihadiri kira-kira 500 peserta dalam kalangan pegawai Majlis Agama Islam Negeri, pengurus wakaf universiti-awam, agensi kerajaan dan wakil pengurusan serta pelajar pusat tahfiz serta sekolah agama.

Aplikasi Projek Buku Audio tersebut boleh dimuat turun melalui *PlayStore* ke dalam mana-mana telefon pintar Android secara percuma.

IDEA PELAJAR

Mengulas lanjut, Nuruliman memberitahu, aplikasi tersebut dibangunkan sendiri oleh sekumpulan pelajar sains komputer dari Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat UPM.

“Malah, kaji selidik untuk




APLIKASI Projek Buku Audio boleh dimuat turun di perisian *Play Store*.

mengenal pasti keperluan sesuai dengan golongan sasar turut dilakukan dalam kalangan pelajar OKU cacat penglihatan UPM sendiri,” katanya.

Selain itu, beliau berkata, ia berbeza dengan konsep *Audio Book* yang ada dalam aplikasi telefon pintar atau pasaran semasa kerana ia terbuka kepada sesiapa sahaja yang berminat untuk menyumbang.

“Cuma buat masa ini sesiapa yang berminat bolehlah hubungi kami melalui e-mel zuhaimi@upm.edu.my atau psuhaiza@upm.edu.my, tetapi jika ingin keterangan lanjut boleh layari www.wazan.upm.edu.my.

“Sebelum ini, aplikasi itu



TUTORIAL bagi OKU penglihatan turut diberikan bagi memudahkan golongan itu menggunakan aplikasi *Projek Buku Audio*.

membolehkan rakaman dibuat secara terus tetapi mutu suara tidak sesuai untuk didengar oleh golongan sasar,” katanya.

Setakat ini, kata beliau terdapat 10 judul buku motivasi, antaranya adalah *Aku, Dia & Rezeki*, *10 Sen Sahaja*, *50 sen Diganti RM5*, *Aku Campak*, *Allah Hulur dan Aksi Negeri Dapat Air Satu Tin* boleh didapati menerusi aplikasi tersebut.

“Judul atau konsep buku untuk aplikasi tersebut adalah terbuka. Selagi ia boleh bermanfaat kepada OKU cacat penglihatan, kami terima,” katanya. - **HASHNAN ABDULLAH**

MUDAH...SEORANG pelajar cacat penglihatan menunjukkan aplikasi *Projek Buku Audio* di Seminar Wakaf Institusi Pendidikan 2018 di UPM, Serdang, Selangor, baru-baru ini.

